

**NILAI ESTETIKA SENI DIKIR BURDAH DI
KAMPUNG HULU, SRI AMAN, SARAWAK**
*(AESTHATIC VALUE OF DIKIR BURDAH ART IN
KAMPUNG HULU, SRI AMAN, SARAWAK)*

Mawar Suhaila Haji Ab Razak
Noria Anak Tugang
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif,
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
84300 Kota Samarahan, Sarawak

Email: mawaraisy11@gmail.com
tnoria@unimas.my

(Dihantar: 1 Oktober 2021; Diterima: 12 Disember 2021)

Abstrak

Kajian ini membincangkan nilai estetika seni Dikir Burdah yang terdapat di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak. Dalam konteks perkaitan ini, kajian ini turut mendapati bahawa nilai estetika yang terdapat Dikir Burdah yang dijalankan di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak. Kajian ini adalah sebuah kajian analisis isi kandungan melalui metod kepustakaan dan temubual melalui kerja lapangan dibuat secara deskriptif berdasarkan nilai-nilai estetika yang terdapat dalam seni persembahan Dikir Burdah. Terdapat tiga objektif kajian ini, iaitu menilai estetika, kedua, menganalisis peranan dan fungsi Dikir Burdah dalam membentuk budaya masyarakat setempat dan ketiga, merumuskan strategi yang diambil oleh agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan bagi memastikan nilai estetika seni Dikir Burdah ini terpelihara dan diperkembangkan. Perubahan paradigma diperlukan demi memastikan warisan tradisi seni persembahan Dikir Burdah ini terus relevan dalam meredah arus teknologi moden namun pada masa yang sama, nilai-nilai estetika dalam persembahannya tetap perlu dikekalkan.

Kata kunci: Nilai Estetika, Seni Persembahan, Dikir Burdah, Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak.

Abstract

This study discusses the aesthetic value of Dikir Burdah art found in Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak. In the context of this relevance, this study also found that the aesthetic value of Dikir Burdah was conducted in Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak. This study is a content analysis study through the method of literature and interviews through fieldwork made descriptively based on the aesthetic values found in the performing arts of Dikir Burdah. There are three objectives of this study, namely to evaluate the aesthetics, second, analyze the role and function of Dikir Burdah in shaping the culture of the local community and third, formulate strategies taken by government agencies and non-governmental organizations to ensure the aesthetic value of Dikir Burdah art is preserved and developed. A paradigm shift is needed to ensure that the heritage of Dikir Burdah's performance art tradition remains relevant in the current modern technology but at the same time, the aesthetic values in its performance still need to be maintained.

Keywords: Aesthetic Value, Performing Arts, Dikir Burdah, Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak.

1.0 Pengenalan

Kajian ini adalah bertujuan mengkaji nilai estetika seni yang terdapat dalam seni Dikir Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak. Seni persembahan Dikir Burdah telah diperkenalkan di Kampung Hulu, Sri Aman sejak zaman dahulu lagi. Seni persembahan ini sering dikaitkan dengan keindahan bait-bait puisi dan pantun yang terdapat pada lirik-lirik lagu yang didendangkan. Bait-bait puisi tersebut pula adalah berunsurkan kelslaman. Persembahan Dikir Burdah ini adalah berasal daripada persembahan tanah Arab yang dibawa masuk oleh pendakwah-pendakwah yang datang berdagang di tanah Sarawak pada suatu ketika dahulu. Oleh demikian, unsur kelslaman sememangnya tidak dapat dinafikan daripada persembahan tersebut.

Dikir Burdah telah lama diperkenalkan kepada masyarakat setempat. Unsur-unsur dan nilai estetika seni yang terdapat pada setiap sudut persembahan mempunyai gambaran yang indah bagi pengkarya seni yang menghayatinya. Kajian ini mengkaji unsur-unsur nilai estetika seni dan menganalisis sejarah perkembangan Dikir Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak sehingga kini. Secara tidak langsung, kajian ini juga menganalisis unsur-unsur keislaman yang mengaitkan nilai estetika dalam seni Dikir Burdah ini.

2.0 Objektif Kajian

Berdasarkan latar belakang di atas, kajian ini menggariskan tiga objektif. Pertama ialah mencatatkan nilai estetika yang terdapat dalam seni Dikir Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak. Secara tidak langsung, dapat mengenal pasti bagaimanakah nilai estetika seni Dikir Burdah terbentuk dalam masyarakat Melayu. Perkara tersebut menarik perihai kepada objektif kedua iaitu, menganalisis peranan dan fungsi Dikir Burdah dalam membentuk budaya masyarakat setempat. Ketiga, meneliti strategi yang diambil oleh agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan bagi memastikan nilai estetika seni Dikir Burdah ini terpelihara dan diperkembangkan.

3.0 Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif-objektif yang disenaraikan, kajian ini dilakukan menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu kaedah temubual dan kaedah analisis isi kandungan. Kaedah-kaedah tersebut dapat menterjemahkan objekif-objektif kajian yang secara umumnya bertujuan menyelidik tentang kegiatan dan menganalisis perkaitan nilai-nilai keindahan

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

seni Dikir Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak. Pihak yang bertanggungjawab dalam memelihara seni Dikir Burdah ini turut ditemubual bagi mendapatkan maklumat tentang langkah-langkah dan strategi memperluaskan seni persembahan Dikir Burdah ini. Pendekatan serta kaedah temubual atau wawancara dan kaedah analisis isi kandungan ini dipilih berdasarkan kesesuaian penyelidikan dan bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih sahih dan tepat untuk mencapai objektif-objektif kajian yang dirancang dan sekaligus dapat membantu kajian ini merungkai permasalahan yang wujud dalam penyelidikan. Dengan menggunakan kaedah-kaedah seperti di atas, kajian ini menerangkan dengan lebih jelas tatacara dan prosedur penyelidikan yang melibatkan jadual-jadual tersusun yang akan dibincangkan lebih lanjut.

Kaedah wawancara membantu kajian untuk mengenali lebih dekat kepada individu atau kumpulan yang giat menjalankan seni Dikir Burdah ini. Kaedah ini adalah untuk mendapatkan maklumat tentang asal usul kegiatan Dikir Burdah yang terdapat di Kampung Hulu, Sri Aman Sarawak, latar belakang kumpulan yang terlibat, aktiviti-aktiviti yang dijalankan, pencapaian dan perancangan kumpulan yang aktif bergiat dalam seni Dikir Burdah dan kaedah ini juga dapat membantu mengkaji bentuk persembahan dalam Dikir Burdah. Wawancara atau kaedah temubual ini adalah satu kaedah kajian untuk meneroka secara lebih dekat. Selain itu, dengan menggunakan kaedah wawancara, kajian ini dijalankan dengan cara berinteraksi secara fizikal untuk menyelami pengalaman kumpulan-kumpulan Dikir Burdah ini dari sejarah awal usaha mereka membentuk kumpulan masing-masing.

Penggunaan kaedah wawancara ini melibatkan sesi rakaman dan merekod segala perbualan yang dijalankan. Kesahan dan kebolehpercayaan data melalui rakaman temubual yang dijalankan adalah menggunakan perakam telefon bombit, perakam kamera digital dan maklumat temubual dicatat pada buku catatan.

Walaupun kaedah wawancara diguna pakai sepanjang penyelidikan, kaedah menganalisis isi kandungan latar belakang Dikir Burdah ini turut diterapkan. Ini bertujuan untuk mendapat inti pati tentang perkaitan adat masyarakat Melayu dalam seni Dikir Burdah itu sendiri. Dari segi usaha untuk mendapatkan keaslian mutu persembahan, kajian ini menggunakan kaedah analisis isi kandungan bagi menganalisis bentuk dan corak persembahan merungkai nilai estetika yang terdapat dalam seni Dikir Burdah ini. Corak persembahan yang mempunyai nilai estetika ini yang terdapat dalam masyarakat Melayu dikaji dan dianalisis isi pengisian persembahan sama ada dalam bentuk tatacara persembahan, alunan muzik yang diolah mahupun corak puitis dalam bait-bait puisi yang digunakan. Selain itu, kajian ini menggunakan kajian pustaka. Kajian pustaka meliputi pembacaan puisi-puisi Melayu klasik, puisi-puisi Islam dan puisi-puisi yang berkaitan dengan Dikir Burdah. Beberapa puisi yang dibukukan telah dijadikan garis panduan persembahan kumpulan Dikir Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman turut diselidik bagi mendapatkan unsur-unsur yang berkaitan dengan nilai estetikanya.

3.1 Kawasan Kajian


Lokasi bagi kajian ini iaitu di Kampung Hulu, bahagian Sri Aman, Sarawak. Lokasi ini dipilih kerana terdapatnya sebuah kumpulan seni yang masih aktif meneruskan

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, “Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak” JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

persembahan Dikir Burdah ini. Kampung Hulu, Sri Aman pada dahulunya dikenali dengan nama Kampung Lemanak. Menurut Raslie Saharan dalam tulisan beliau “Beberapa Aspek Kebudayaan Masyarakat Melayu Sarawak” dan dalam subjudul yang dinamakan “Kesenian”, yang diterbitkan sebagai salah satu bab di sebuah buku bertajuk *Adat Resam Penduduk Sarawak* (Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak: 1988) hanya menjelaskan secara umum mengenai Dikir Burdah di Sarawak yang masih bergiat aktif di bahagian Sri Aman. Menerusi petikan “Zikir Burdah merupakan satu lahi kesenian lama yang masih diamal dan masih kedapatan di Bahagian Sri Aman” (Raslie Saharan, 1988:132). Kampung Hulu terletak kira-kira 206 kilometer dan mengambil masa selama kira-kira 3 jam 30 minit perjalanan dari Bandar Kuching dengan menggunakan kenderaan darat. Keluasan kampung ini dianggarkan kira-kira 25 ekar (maklumat diperolehi daripada perbualan secara fizikal bersama kakitangan Jabatan Tanah dan Survei Sri Aman). Kampung ini adalah berdekatan dengan sungai. Masyarakat setempat di kawasan ini terdiri daripada bangsa Melayu beragama Islam. Kebanyakan penduduk setempat bekerja di sektor awam dan swasta dan hanya sebahagian kecil daripada penduduk di situ yang bekerja sebagai petani dan nelayan (maklumat diperolehi daripada perbualan secara fizikal bersama Cik Ayu Radiah pada 17 September 2021). Menurut Cik Ayu Radiah, selain daripada aktiviti Dikir Burdah, penduduk setempat juga aktif menjalankan kegiatan seperti kelas zikir marhaban, berzanji, nasyid dan sebagainya.

Lokasi bagi penyelidikan ini ialah di kawasan Kampung Hulu, Sri Aman. Kampung tersebut merupakan pusat bagi sebuah kumpulan Dikir Burdah yang masih bergiat aktif dan mempunyai sejarah perkembangan seni persembahan tersebut. Kampung Hulu

terletak bersebelahan sungai Sri Aman. Pada ketika dahulu, Sri Aman merupakan sebuah daerah yang dikenali sebagai pusat pelabuhan di Sarawak. Ramai pedagang asing termasuklah pedagang dari Tanah Arab datang untuk berdagang ke negeri tersebut.



Peta 1: Lokasi Penyelidikan (Sumber: Bahan Arkib Negeri Sarawak)

Peta 1 menunjukkan peta Negeri Sarawak dan bahagian berwarna merupakan kawasan atau daerah penyelidikan iaitu Sri Aman. Sri Aman atau nama asalnya ialah Simanggang. Nama bagi daerah Sri Aman telah diberikan oleh Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman bin Ya'kub yang juga merupakan Ketua Menteri Sarawak ketika itu. Sri Aman telah diguna pakai sejak tahun 1974 berikutan dengan peristiwa penyerahan diri anggota Parti Komunis yang dipimpin oleh Bong Kee Chok. Peristiwa tersebut

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

merupakan sejarah di Negeri Sarawak dan dikenali sebagai Deklarasi Sri Aman bertarikh 21 Oktober 1973. Nama Sri Aman juga dianggap sebagai satu tanda perjanjian keamanan yang dipersetujui oleh pihak kerajaan dan pihak komunis (pejabat Daerah Sri Aman).

4.0 Dapatan Kajian

Berdasarkan tinjauan awal, kegiatan Dikir Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak ini telah diwarisi secara turun temurun. Persembahan seni Dikir Burdah ini telah dipelopori oleh beberapa generasi. Aktiviti Dikir Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak diterajui oleh Persatuan Sinar Budaya yang telah ditubuhkan oleh Cik Ayu Radiah bermula sejak tahun 2008 (temubual bersama Cik Ayu Radiah pada 18 September 2021). Dikir Burdah telah mula diperkenalkan oleh seorang pendakwah Islam yang datang dari Tanah Arab yang bernama Sheikh Hj. Abd. Karim. Beliau telah bergiat dalam menyebarkan ajaran agama Islam di Sambas, Pontianak, Indonesia. Melalui dakwah, beliau turut mengajar seni Dikir Burdah kepada penduduk setempat. Pada mulanya, Dikir Burdah hanya dipersembahkan di surau ketika menunggu masuknya waktu solat Isyak, iaitu antara ruang masa selepas solat Maghrib dan sebelum masuknya waktu solat Isyak. Setelah beberapa lama kemudian, amalan dikir ini telah mendapat pandangan jemaah surau untuk dijadikan sebuah persembahan dan aktiviti harian penduduk setempat. Menurut Cik Ayu Radiah lagi, salah seorang daripada anak murid pendakwah tersebut ialah bernama Sheikh Haji Abdul Rahman yang juga merupakan orang yang bertanggungjawab meneruskan amalan Dikir Burdah ini. Amalan kegiatan Dikir Burdah ini telah diturunkan kepada Tuan Haji Mohd Rais yang juga berasal dari

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

Sambas, Pontianak, Indonesia. Ilmu Dikir Burdah ini tidak putus di situ sahaja, perjuangan untuk meneruskan aktiviti Dikir Burdah ini diturunkan kepada anak murid Tuan Haji Mohd Rais iaitu Tuan Haji Abd. Rahman. Menurut Pengerusi Persatuan Sinar Budaya melalui temubual bersama beliau itu, Tuan Haji Abd. Rahman telah melatih dan mendidik budaya Dikir Burdah ini kepada anak beliau iaitu Tuan Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman. Tuan Haji Abd. Karim bukan sahaja mengembangkan seni Dikir Burdah ini, malahan beliau juga menyebarkan ilmu pengetahuan agama Islam kepada penduduk Sambas pada ketika itu.

Tuan Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman kemudiannya berhijrah ke Sarawak setelah ditawarkan bekerja sebagai guru agama Islam di Kuching, Sarawak. Pada tahun 1918, Tuan Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman mula mengembangkan ilmu agama melalui ajaran Dikir Burdah kepada penduduk Muara Tebas, Kuching. Tidak lama kemudian, beliau berhijrah ke Sri Aman atau nama terdahulu bahagian itu ialah Simanggang. Beliau turut bertemu jodoh dan mendirikan rumah tangga dengan gadis yang berasal dari Simanggang. Tuan Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman telah dianggap sah sebagai warga Sarawak kerana perkahwinan beliau telah dilangsungkan sebelum penaklukan Jepun di Sarawak. Beliau turut dilantik sebagai ketua kampung di Kampung Lemanak, Simanggang (Kampung Hulu, Sri Aman). Pasangan tersebut telah dikurniakan cahaya mata hasil daripada perkahwinan mereka itu. Sifat keIslaman yang tinggi berserta minat terhadap seni, amalan Dikir Burdah diperturunkan kepada anak mereka yang bernama Tuan Haji Abdul Rahim. Amalan seni Dikir Burdah menjadi semakin aktif apabila Tuan Haji Abdul Rahim mula mengamalkan dikir tersebut di surau-

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

surau tempatan dan beliau mula mengajar seni dikir tersebut kepada penduduk Kampung Lemanak dengan lebih meluas.

Menurut Cik Ayu Radiah, pada tahun 1974 Tuan Haji Abdul Rahim mula mengajar Dikir Burdah di Surau Hayatul Islam yang terletak di Kampung Hulu, Sri Aman. Beliau telah memberikan kepercayaan kepada salah seorang anak murid beliau yang bernama Tuan Haji Mohd. Tahir bin Yakup untuk meneruskan warisan seni Dikir Burdah di kampung tersebut. Pada tahun 1976, Tuan Haji Mohd. Tahir bin Yakup telah membangunkan semula kesenian Dikir Burdah ini dan mula mengajar penduduk setempat tentang warisan seni Dikir Burdah. Bagi mengekalkan seni warisan Dikir Burdah ini, pada tahun 1994, beliau meneruskan amalan dan ajaran dikir tersebut kepada penduduk kawasan Lingga. Ilmu dikir ini juga diturunkan kepada Persatuan Budaya Sri Aman dan Persatuan Warisan Budaya Melayu, Kampung Hulu, Sri Aman dan beliau turut menurunkan ilmu Dikir Burdah ini kepada anak beliau sendiri iaitu Cik Ayu Radiah binti Haji Mohd. Tahir. Hasil daripada peredaran masa, Cik Ayu Radiah telah menubuhkan sebuah kumpulan Dikir Burdah yang bernama Persatuan Sinar Budaya, Sri Aman.

Persatuan Sinar Budaya, Sri Aman telah ditubuhkan pada 1 Mac 2008 dan telah berdaftar sebagai sebuah pertubuhan pada 9 Jun 2009. Sehingga tahun 2019, Persatuan Sinar Budaya, Sri Aman terdiri daripada 60 orang ahli yang majoritinya adalah daripada kaum lelaki dan sebahagiannya adalah kaum wanita. Keanggotaan ahli persatuan ini juga terdiri daripada pelbagai lapisan umur termasuk kanak-kanak, remaja dan juga dewasa.

Nilai estetika yang wujud dalam seni Dikir Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman masih kekal sehingga sekarang. Seni dikir ini dipersembahkan dalam bentuk kumpulan. Persembahan kesenian Dikir Burdah ini diiringi paluan gendang yang dimainkan oleh setiap ahli kumpulan. Menurut Cik Ayu Radiah, kewujudan alat muzik gendang yang mengiringi persembahan Dikir Burdah adalah merupakan satu improvisasi baru yang tidak pernah wujud pada ketika zaman seni Dikir Burdah ini mula diperkenalkan oleh Sheikh Hj. Abd. Karim. Irama alat muzik gendang ini adalah bertujuan bagi menarik minat golongan muda masa kini. Walau yang demikian, unsur dan nilai keaslian estetika dalam seni persembahan Dikir Burdah ini masih lagi berteraskan akar umbi dan tidak berubah susur jalur corak persembahannya.

4.1 Nilai-nilai Estetika Seni Dikir Burdah

Setelah mengenal pasti masalah, kepentingan, objektif, skop dan kaedah penyelidikan, kaedah tinjauan dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan langkah seterusnya dapat dijalankan dengan lebih berperingkat. Kajian ini membincangkan tentang istilah-istilah yang berkaitan dengan estetika yang terdapat di dalam seni Dikir Burdah. Istilah-istilah ini amat penting untuk difahami bagi meneruskan kajian yang lebih terperinci tentang Dikir Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman. Selain itu, unsur-unsur estetika dalam persembahan Dikir Burdah yang seiring dengan kehidupan adat resam masyarakat Melayu di Kampung Hulu, turut dikaitkan dan hal ini merupakan perkara penting bagi mencapai matlamat dan objektif penyelidikan ini.

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

Dalam membincangkan seni Dikir Burdah yang telah diselidik dengan perkaitan lirik-lirik dan bentuk persembahan acara tersebut, kajian yang terdahulu lebih menekankan aspek-aspek bentuk persembahan dan kajian tentang tema dan tajuk yang terdapat di dalam puisi-puisi Dikir Burdah. Walau bagaimanapun, penyelidikan mengenai hubungan estetika dalam seni Dikir Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak masih belum diperolehi. Tinjauan literatur merupakan ulasan maklumat yang diperolehi daripada jurnal, buku dan penyelidikan-penyelidikan yang telah dijalankan terdahulu untuk sesuatu penyelidikan terbaru (Amani Dahaman, 2011). Menurut D. N. & Beili. P (2005) tujuan tinjauan literatur juga dibuat bertujuan membezakan apa yang telah dikaji daripada apa yang perlu dikaji, kemudian ia akan menemui pemboleh ubah yang relevan dengan tajuk penyelidikan yang baru dan menggabungkan bahagian-bahagian penulisan pelbagai bahan rujukan yang berlainan dan akan mendapat perspektif yang baharu dalam jurusan dan tajuk yang berkaitan.

Terdapat juga penulisan-penulisan tentang seni Dikir Burdah yang ada di negeri-negeri tertentu di Malaysia. Penulisan berbentuk jurnal dan tesis yang diusahakan pada peringkat ijazah sarjana muda juga peringkat ijazah sarjana. Selain itu, penulisan catatan yang berkaitan dengan dikir yang terdapat di Malaysia seperti kajian yang dilakukan oleh Mohd Taib Osman bertajuk *Traditional Malay Music: A Traditional Cultural Expression in Contemporary Setting* (1979) mencatatkan tentang persembahan muzik Melayu tradisional yang menjadi ekspresi budaya dalam masyarakat kontemporari. Dalam penulisan beliau terdapat catatan mengenai dikir yang merupakan persembahan kesenian yang bercorak keagamaan. Menurut beliau, seni tersebut kebiasaannya

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

mengaitkan unsur-unsur puisi yang mempunyai pujian kepada Rasulullah S.A.W. dan diiringi dengan paluan rebana. Persembahan tersebut melibatkan pergerakan tubuh yang tidak melebihi batasan.

Menurut Ibnu Khaldun, seni merupakan sebuah kebenaran, keindahan dan kebaikan. Di dalam setiap cabang seni terdapat nilai-nilai estetika, etika dan logika. Unsur-unsur di dalam sesebuah karya seni yang terdapat keaslian estetika mempunyai ciri-ciri susunan yang baik, komposisi yang menarik dan indah untuk diterjemahkan. Manakala logika pula merujuk kepada sesuatu kebenaran hakiki. Menurut Ibnu Khaldun lagi, kebenaran dalam seni karya harus berpaksikan dengan ajaran Allah S.W.T. Islam mementingkan seni yang mempunyai nilai-nilai akidah yang tinggi, syarak dan akhlak yang murni. Di dalam seni persembahan Dikir Burdah, terdapat unsur-unsur keIslaman dan nilai murni. Islam telah dijadikan teras sebagai garis panduan seni persembahan Dikir Burdah, pergerakan olahan tubuh yang bercirikan peradaban Melayu turut diklasifikasikan sebagai corak budaya dan adat tradisional masyarakat Melayu. Perkaitan antara Islam dan adab Melayu tidak jauh bezanya. Nilai kesenian dan nilai kesusasteraan yang terdapat dalam Dikir Burdah membuktikan seni dikir ini merupakan sebuah karya seni Islam yang unik. Menurut Othman Mohd Yatim (1989) pula, keindahan diterjemahkan melalui kecantikan dan ditafsirkan sebagai perkara yang sempurna. Perkataan indah itu sendiri diertikan sebagai sesuatu perkara yang cantik, bagus dan molek.

Estetika bermaksud keindahan dan merupakan sebahagian daripada pengisian kotak pemikiran penulis Melayu sejak dahulu lagi. Bait-bait yang terdapat dalam puisi Dikir Burdah itu sendiri mempunyai unsur-unsur keindahan yang berteraskan ajaran Islam dan mengisahkan cerita-cerita Nabi Muhammad S.A.W. Nilai-nilai indah ini dikarang bertujuan untuk mengisahkan kehidupan Rasulullah S.A.W. untuk diteladani. Menurut sasterawan negara iaitu Muhammad Haji Salleh (2000) dalam tradisi kesusasteraan Melayu tradisional, keindahan itu sangat luas dan unsur keindahan itu sangat penting dalam sesebuah karya seni. Menurut beliau, keindahan di dalam sesebuah karya sebenarnya memiliki daya tarikan yang dapat mendorong pendengar atau pembaca merasai dan menyelami maksud tersirat. Keindahan ini bersifat positif dan baik untuk khalayak dan dapat membantu masyarakat agar lebih menjurus kepada kehidupan yang lebih murni. Keindahan turut menjadi penggerak kepada tingkah laku sesebuah kelompok masyarakat menjadi lebih mulia.

Mutu dan nilai keindahan adalah berteraskan kepada estetika hakiki yang wujud melalui nilai keagamaan yang dipahatkan menerusi gaya bahasa, alunan muzik dan pengertian ciptaan sesebuah karya. Begitu juga dalam seni Dikir Burdah ini. Pengungkapan dalam bait-bait puisi Dikir Burdah kaya dengan keindahan puji-pujian dan bahasa pekerti.

4.2 Nilai Estetika Melalui Lirik

Dari segi kehalusan sesuatu seni yang dihasilkan oleh seseorang karyawan, ia melibatkan cara pembuatan yang teliti dan bahan yang bersesuaian bergantung kepada tujuan kegunaannya. Penghasilan seni yang berguna pula melibatkan hasil seni yang

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

berfungsi bukan hanya untuk dilihat, malah selesa dirasai atau menarik didengarkan. Estetika sudah tentu berkait rapat dengan budaya Melayu yang mempunyai unsur-unsur kebudayaan universal seperti artifak, kuliner, upacara, adat, peralatan, busana, bangunan, perubatan dan kesusasteraan termasuklah dengan gaya bahasa lirik yang dicipta dalam sesebuah lagu atau puisi. Kehalusan lirik melalui bait-bait puisi yang dicipta melalui Dikir Burdah turut melahirkan nilai estetika yang luhur serta pengalaman di sebalik sesuatu karya seni yang kreatif. Penciptaan ini memerlukan penghayatan sama ada melalui penglihatan atau pendengaran dalam mencari makna kebenaran dalam karya-karya puisi yang dihasilkan.

Lazimnya aktiviti pengamatan nilai estetika dalam Dikir Burdah di Kampung Hulu ini boleh dibahagikan kepada 3 tahap. Tahap pertama ialah persepsi kepada kualiti. Tahap kedua ialah cara pengolahan lirik dan tahap ketiga ialah peranan dan fungsi keseluruhan lirik yang dicipta yang memberikan impak kepada pendengar. Nilai estetika dalam Islam juga membezakan keindahan mutlak daripada keindahan fenomena menerusi penggunaan perkataan yang indah. Tanpa bentuk yang baik pasti isi kandungan sesebuah karya tidak mempunyai daya tarikan (Aminudin Mansor, 2012). Menurut Muhammad Haji Salleh, (1997:26) unsur estetik merupakan unsur keindahan dalam berbahasa iaitu dengan memberikan sifat manusia kepada benda lain. Unsur personifikasi yang dapat dilihat dalam karya Sulatus Salatin ialah "rupa tunggul panji-panji seperti awan berarak: rupa payung segala raja-raja".

Bait-bait puisi dalam seni persembahan Dikir Burdah kini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan memudahkan masyarakat setempat memahami dan menghayati maksud puisi tersebut. Menurut Pengerusi Persatuan Sinar Budaya Sri Aman yang juga merupakan penggiat seni Dikir Burdah di Kampung Hulu, terdapat beberapa buah lagu dalam persembahan Dikir Burdah yang mempunyai tema dan maksud tersendiri. Penghuraian aspek tema tersebut telah diikuti dengan hujah-hujah yang relevan dan sesuai dengan keadaan semasa. Persembahan yang berlandaskan lirik lagu yang mempunyai tema dapat memberi impak dan kesan bahawa Dikir Burdah turut membantu bertanggungjawab memberi wadah ilmu dan nasihat secara tidak langsung kepada masyarakat setempat. Dikir Burdah yang telah diterjemahkan melalui bahasa Melayu turut membawa tema lirik dikir yang kebanyakannya sejajar dengan ajaran Islam.

Kajian ini telah mengumpulkan maklumat bahan seperti lagu-lagu asal yang dibawa dari Semenanjung Tanah Arab dan lagu-lagu yang dicipta oleh penggiat-penggiat awal seni Dikir Burdah ini (Rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Senarai Lagu-lagu Seni Dikir Burdah, Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak

BIL	LAGU ASAL DARI SEMENANJUNG TANAH ARAB	LAGU CIPTAAN PENGGIAT AWAL
1.	Maal Li	Adat dan Budaya
2.	Fassrif	Pengantin Baru

3.	Wakshaad	Pengantin Bersanding
4.	Astaghfirr	Pengantin Dua Sejoli
5.	Muhammadun	Kelahiranmu
6.	Munazahun	Kaseh Sejati
7.	Dua Illa	Sayang Sarawak
8.	Fain Pa	Puteri Santubong (diambil dari lagu rakyat)
9.	Zaalam	Pak Tambang (diambil dari lagu rakyat)


Kajian ini telah meneliti setiap lirik yang telah dicipta mengikut kesesuaian waktu dan peredaran masa. Setiap lirik lagu yang dihasilkan dalam Dikir Burhad Persatuan Sinar Budaya Kampung Hulu, Sri Aman mempunyai tema-tema yang berbeza. Tema merujuk kepada persoalan pokok yang membawa maksud utama dalam sesebuah karya. Setiap tema yang digarap, dianalisis dan diteliti daripada segi perkataan dan ayat mempunyai nilai keindahan dan maksud tersirat. Kajian juga mendapati bahawa salah satu tema yang dicipta dalam lirik Dikir Burdah oleh Persatuan Sinar Budaya Sri Aman ialah tema yang bertajuk “Adat dan Budaya”. Di dalam tema tersebut, hal berkaitan adat dan budaya amat sinonim dengan masyarakat Melayu setempat. Terdapat unsur-unsur nasihat menerusi lirik di dalam puisi tema ini. Sekaligus tema tersebut dapat membentuk kehidupan masyarakat yang lebih beradab dan berbudaya. Budi bahasa harus dititiberatkan dan dijadikan panduan sebagai lambang kesusilaan masyarakat Melayu. Terdapat rangkap di dalam petikan lirik lagu tema tersebut *‘Keperibadian cermin kejujuran, Budi pekerti berhemah tinggi, Budi bahasa dilupa jangan, Adat dan budaya*

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

tersemai di hati. Petikan tersebut menggambarkan keindahan dan nasihat secara murni kepada pendengar yang menikmati persembahan Dikir Burdah tersebut.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2010: 8 dan 212) menjelaskan bahawa perkataan 'adat' adalah bermaksud peraturan turun temurun atau sifat atau kebiasaan. Manakala perkataan 'budaya' pula membawa maksud kemajuan fikiran atau perkara-perkara yang berkaitan dengan budi dan akal manusia. Erti 'adat dan budaya' itu sendiri menjelaskan persamaannya. Kedua-dua perkataan tersebut mempunyai perkaitan rapat dalam kehidupan manusia dan kehidupan masyarakat sekeliling. Pada setiap baris yang terdapat dalam lirik Dikir Budaya yang bertemakan Adat dan Budaya (Ayu Radiah binti Haji Mohd Tahir: *Rangkaian Lagu-lagu Zikir Burdah Persatuan Sinar Budaya Sri Aman*) terdapat unsur-unsur nasihat seperti menggalakkan masyarakat sentiasa berakhlak mulia dan menghargai adat. Dalam tema lirik tersebut juga menjelaskan masyarakat Melayu terkenal dengan budaya dan mempunyai hubungan yang baik sesama mereka. Dengan ungkapan lirik yang dihasilkan, seni Dikir Burdah mempunyai unsur-unsur nasihat yang indah melalui bait-bait puisi yang didendangkan. Tema Adat dan Budaya ini juga mengandungi bingkisan ayat-ayat indah yang menggambarkan budaya masyarakat Melayu penuh dengan adat tradisi dan mempunyai nilai estetika yang tinggi.

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, “Nilai Estetika Seni Dikir Burdah
Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak” JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205




Rajah 1: Rangkaian Lagu-lagu Zikir Burdah
Persatuan Sinar Budaya Sri Aman.



Rajah 2: Lirik puisi Tema Adat dan
Budaya



Rajah 3: Tema Pendidik Bistari



Rajah 4: Tema Hijrah

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

Rajah 1-4 merupakan sebahagian lirik lagu yang dicipta oleh Cik Ayu Radiah binti Haji Mohd Tahir. Dengan merujuk lirik-lirik yang telah didokumentasikan menerusi naskah Rangkaian Lagu-lagu Zikir Burdah, Persatuan Sinar Budaya Sri Aman telah berjaya mengumpul sebanyak 24 buah lirik Dikir Burdah. Lirik dikir ini telah dijadikan sebagai bahan kajian yang dianalisis berdasarkan kerangka nilai estetika yang terdapat di dalam pengisiannya. Aspek tema adalah merujuk kepada idea asal yang menjadi tunjang kepada sesebuah karya sastera. Selain daripada tema Adat dan Budaya, terdapat juga eksplisit dengan keindahan unsur-unsur Islam, namun tidak bertentangan dengan ajaran Islam seperti tema Nasionalisme, Kepimpinan, Pendidik Bistari dan sebagainya. Kesemua tema yang diangkat adalah bertujuan untuk memupuk masyarakat khususnya penduduk setempat dan pendengar-pendengar seni persembahan Dikir Burdah ini untuk menuntut ilmu, memperluaskan ilmu pengetahuan, menyempurnakan tanggungjawab, memberi contoh serta tauladan yang baik, mencontohi hijrah Rasulullah S.A.W. mengamalkan ajaran dan sunnah Rasulullah S.A.W. mengutamakan adat dan budaya, mendidik masyarakat mengamalkan akhlak mulia, mengeratkan hubungan, mengutamakan keharmonian rumah tangga, mengamalkan cara hidup Islam dan banyak lagi usaha dalam memelihara budaya yang sihat dan memperkuat ajaran-ajaran Islam.

Walaupun lirik-lirik yang terdapat di dalam naskah Rangkaian Lagu-lagu Zikir Burdah Persatuan Sinar Budaya Sri Aman mempunyai penggunaan bahasa Melayu, namun lirik asal seni Dikir Burdah yang merangkumi puji-pujian ke atas Rasulullah S.A.W. dalam bahasa Arab masih lagi dipraktikkan. Seni Dikir Burdah dipersembahkan mengikut

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

kesesuaian majlis dan tempat. Nilai estetika yang terdapat di dalam lirik-lirik seni Dikir Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak kekal mempunyai hubungan rapat dengan asal-usul keindahan dengan cara tertentu.

4.3 Nilai Estetika Melalui Tata Cara Persembahan.

Seni Dikir Burdah Kampung Hulu, dipersembahkan secara berkumpulan dan diiringi dengan paluan gendang. Setiap persembahan yang diadakan terdiri daripada 15 orang lelaki dan 15 orang wanita. Jumlah ini dianggarkan mengikut kesesuaian tempat dan ruang yang disediakan oleh pihak yang menganjur. Cara pemakaian semasa persembahan pula adalah mengikut syiar Islam dan wajib menutup aurat. Walaupun terdapat salah seorang daripada anggota persatuan yang menganut agama Kristian dan berbangsa Iban, beliau turut mengenakan pakaian yang sopan dan sama seperti ahli anggota persembahan yang lain. Sewaktu persembahan seni Dikir Burdah diadakan, kedudukan ahli kumpulan diatur mengikut kedudukan dua barisan. Terdapat 8 orang atau 9 orang dalam satu baris. Kedudukan ini bergantung kepada keluasan ruang pentas atau ruang bilik sesuatu majlis.

Lagu asal yang terdapat dalam bait-bait Dikir Burdah Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak adalah dalam bentuk himpunan zikir-zikir bahasa Arab yang diambil daripada risalah berzanji (maklumat diperolehi daripada perbualan secara fizikal bersama Cik Ayu Radiah pada 17 September 2021). Setelah perbincangan bersama ahli kumpulan yang lain, Haji Mohd Tahir telah mengubahsuai lagu-lagu tersebut ke dalam irama Dikir Burdah. Pengubahsuaian ini diterima oleh para pendengar dan masyarakat setempat.

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

Haji Mohd Tahir yang juga merupakan bapa kepada Cik Ayu Radiah telah memasukkan beberapa puisi Melayu yang bersesuaian dengan keindahan kehidupan dan suasana masyarakat setempat. Pada asalnya, persembahan Dikir Burdah ini didendangkan dengan menggunakan alat muzik iringan seperti rebana atau gendang sahaja. Namun, dengan perubahan masa masyarakat kini boleh menerima gabungan idea baru. Cik Ayu Radiah telah cuba menggabungkan penggunaan alat muzik gendang dan alat-alat muzik lain seperti tamborin, gong, engkromong, gendang dua muka, gendang *fender*, gendang table, marakas dan saron bagi menghasilkan irama-irama yang memberi daya tarikan kepada golongan muda.

Semasa persembahan nyanyian Dikir Burdah, semua ahli anggota turut menyanyikan lagu dikir tersebut sambil memukul gendang dan alat muzik yang lain. Jenis pukulan rebana juga adalah berbeza-beza. Jenis pukulan rebana terdiri daripada pukulan lama dan pukulan baru. Terdapat empat jenis pukulan lama iaitu pukulan naik, pukulan adi (perlahan), pukulan tasbih dan juga pukulan tikah. Manakala pukulan baru pula terdiri daripada pukulan inang, pukulan joget, pukulan masri, pukulan asli, pukulan zapin dan juga pukulan timang burung. Irama yang didendangkan bergantung kepada rentak gubahan yang dihasilkan oleh Cik Ayu Radiah. Kebiasaannya rentak ini merupakan alunan lagu dikir mengikut kesesuaian sesuatu majlis. Keunikan persembahan seni Dikir Burdah ini terletak pada tempoh jangkamasa persembahan itu. Seni Dikir Burdah Kampung Hulu, boleh dimainkan tanpa henti selama 30-40 minit (maklumat diperolehi daripada perbualan secara fizikal bersama Cik Ayu Radiah pada 17 September 2021).

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205



Gambar 1: Kedudukan ahli Dikir Burdah

Gambar 2: Kesemua ahli bermain alat muzik



Gambar 3: Teknik pukulan gendang bahagian atas.

Gambar 4: Teknik pukulan gendang bahagian bawah



Gambar 5



Gambar 6

Gambar 5 dan 6: Gerakan tubuh mengikut rentak paluan gendang.

Menerusi hasil temubual secara fizikal bersama Cik Ayu Radiah pada 23 Oktober 2020, gerakan atau olahan tubuh dicipta bagi mewujudkan elemen rancak seiring dengan paluan gendang. Teknik pukulan dan olahan tubuh ini mengikut rentak paluan gendang. Sebagai contoh, apabila gendang dipalu di bahagian bawah, gerakan tubuh (dalam posisi duduk) akan bergerak sedikit tunduk ke hadapan (seperti gambar 5). Manakala apabila pukulan gendang di bahagian bawah, gerakan tubuh (dalam posisi duduk) akan bergerak sedikit ke belakang (seperti gambar 6).

Terdapat 4 jenis bentuk pukulan asas iaitu pukulan adi atau tepi, pukulan 2, pukulan tengah atau pecah dan pukulan meningkah. Bentuk-bentuk pukulan ini dilihat daripada segi kombinasi pukulan-pukulan bagi menghasilkan bunyi perkusi yang harmoni dan mengikut rentak irama lagu yang dipersembahkan. Keindahan paluan gendang dalam seni Dikir Burdah Persatuan Sinar Budaya Kampung Hulu, Sri Aman ini tercipta daripada idea Cik Ayu Radiah mengikut kesesuaian masa kini dan irama kreasi yang dicipta. Menurut Cik Ayu Radiah, terdapat 4 jenis pukulan gendang burdah asal dari Persatuan Sinar Budaya Kampung Hulu, Sri Aman. Yang pertama ialah pukulan adi iaitu pukulan asal. Pukulan adi (perlahan: bahagian atas). Pukulan adi ini amat sesuai untuk irama seperti lagu Maal Li (lagu asal yang dibawa dari tanah Arab). Pukulan kedua ialah pukulan dua (perlahan: bahagian tepi). Pukulan ketiga ialah pukulan tengah atau pukulan pecah (pukulan tengah bahagian gendang; untuk menjawab). Pukulan keempat ialah pukulan tingkah, cara pukulan tingkah ialah perlahan (pukulan sebanyak 3 kali).

Pukulan timang burung pula adalah sesuai untuk lagu kreasi yang berirama rancak. Menurut Cik Ayu Radiah, kesemua ahli Dikir Burdah memainkan paluan gendang secara serentak untuk irama asal iaitu lagu Maal Li. Adat permainan ini tidak boleh dilanggar dan ia perlu seragam sekiranya memainkan lagu-lagu asal Semenanjung Tanah Arab. Tertib persembahan ini mempunyai nilai-nilai estetika yang dapat dikekalkan sehingga kini. Namun terdapat sedikit keunikan melalui lagu Zaalam kerana irama lagu tersebut boleh dimainkan sedikit rancak tetapi masih lagi mengekalkan lirik-lirik bahasa Arab. Bagi pukulan untuk lagu-lagu baru yang dicipta, paluan gendang seperti pukulan

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

inang, pukulan joget, pukulan masri, pukulan asli, pukulan zapin dan juga pukulan timang burung digunakan bagi mengikut irama dan rentak lagu-lagu tersebut.



Gambar 7

Gambar 7: Gendang yang digunakan sebagai alat muzik seni Dikir Burdah Kampung Hulu, Sri Aman.

5.0 Perbincangan

Seni Dikir Burdah Kampung Hulu, Sri Aman telah berjaya menarik perhatian pelbagai agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan. Persatuan Sinar Budaya pernah diundang oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak sempena Majlis Mesyuarat Raja-raja bertempat di Kuching, Sarawak pada Julai 2019. Selain itu, seni

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

Dikir Burdah Sinar Budaya Sri Aman juga berjaya menarik minat pihak agensi kerajaan tempatan seperti Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sarawak, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak dan beberapa agensi bukan kerajaan termasuk Institusi Pengajian Tinggi Tempatan untuk diangkat dan dijadikan sebagai rujukan bagi tujuan memelihara dan memperkembangkan seni dikir tersebut ke peringkat yang lebih luas.

Konsep kebaikan menjadi sebuah kriteria utama dalam seni Dikir Burdah Kampung Hulu, Sri Aman. Konsep keindahan yang terdapat dalam seni Dikir Burdah juga dinilai sebagai perkara yang menyenangkan, dijadikan sebagai ikutan dan perkara yang baik untuk dihargai. Gambaran ciri-ciri keindahan dalam seni Dikir Burdah Sinar Budaya Sri Aman ialah melalui lirik-lirik lagu puisi yang berlandaskan kata-kata pujian ke atas Rasulullah S.A.W. lagu-lagu yang berunsur nasihat kepada masyarakat dan corak persembahan yang mempunyai tertib dan disiplin. Menurut Muhammad Haji Salleh (2000; 242) keindahan terletak pada kekuatan bahasa yang mampu merumuskan sesebuah karya yang luas dan banyak menjadi padat dan sedikit, tetapi dipersembahkan dengan cara dan gaya yang sangat indah. Keindahan gaya dan teknik ini akan mewujudkan erti dan mempamerkan kebijaksanaan pengkaryanya.

Penerimaan golongan masyarakat zaman moden masa kini khususnya penduduk setempat memberi ransangan dan semangat kepada Pengerusi Persatuan Sinar Budaya untuk terus mengembangkan seni Dikir Burdah ini. Beliau dan ahli persatuan juga pernah menyertai beberapa pertandingan dan persembahan bagi tujuan memperkembangkan

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

seni Dikir Burdah ini. Keindahan seni Dikir Burdah Kampung Hulu, Sri Aman dikekalkan dan bagi tujuan untuk pemeliharaan, pihak persatuan turut mendapat sokongan daripada pihak kerajaan dan bukan kerajaan.

6.0 Rumusan

Nilai estetika yang terdapat dalam seni Dikir Burdah adalah nilai keindahan seni warisan turun temurun yang perlu dikekalkan dan diperkembangkan. Atas usaha Pengerusi Persatuan Sinar Budaya Sri Aman iaitu Cik Ayu Radiah, beliau telah menubuhkan kumpulan tersebut pada tahun 2008 dan kini mempunyai seramai 60 orang ahli yang terdiri dari pelbagai peringkat umur. Keunikan lagu-lagu asal yang dibawa dari Semenanjung Tanah Arab dikekalkan dan dijadikan pedoman kehidupan masyarakat sekeliling. Bait-bait pantun Melayu dicipta mengikut tema-tema majlis untuk memupuk dan memberi manfaat kepada penduduk setempat khususnya golongan muda. Tema-tema yang diterapkan dalam setiap lagu-lagu ciptaan penggiat dahulu dan kini dijadikan panduan kehidupan seharian. Tema-tema yang digarap adalah jelas dan eksplisit terkait dengan Islam.

Corak persembahan turut dilihat dengan teliti bagi memastikan olahan tubuh dan rentak suara yang dilontarkan masih dalam kurungan tertib dan indah. Dikir Burdah Kampung Hulu, Sri Aman mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Aspek seni lirik dan corak persembahan merangkumi keindahan bait-bait puisi puji-pujian ke atas Rasulullah S.A.W. diiringi dengan paluan gendang yang mempunyai pukulan asas. Persembahan

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

turut disertai dengan gerakan tubuh yang lembut dan sopan menjadikan seni Dikir Burdah sangat unik dan tersendiri. Aspek seni lirik dan corak persembahan ini memerlukan pengetahuan untuk dikuasai dan kemahiran ini secara tidak langsung dapat membentuk disiplin diri yang tinggi. Kajian ini penting bagi memajukan dan memperkayakan kebudayaan kebangsaan khususnya di Sarawak. Kajian ini dapat menyumbang daripada segi pengetahuan kepada penyelidik-penyelidik yang mengkaji secara khusus tentang estetika seni Dikir Burdah dalam budaya masyarakat Melayu. Bagi tujuan itu, kajian ini dapat mengisi ruang penyelidikan berkaitan estetika dalam seni Dikir Burdah Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak yang masih rompong setelah beberapa buah tulisan dihasilkan berkaitan dengan Dikir Burdah.

Selain itu, kajian ini juga berguna bagi membantu memperbanyak bahan ilmiah mengenai Dikir Burdah di Sarawak. Penulisan ini dapat membantu menyediakan dokumentasi tatacara peradaban seni persembahan Dikir Burdah secara ringkas. Tatacara persembahan dan pergerakan yang mencerminkan nilai estetika seni budaya masyarakat Melayu masih kurang didokumentasikan sama ada dalam bentuk teks atau rakaman visual. Sekali gus kajian ini dapat meringkaskan langkah-langkah yang boleh diambil oleh agensi kerajaan bagi memastikan seni persembahan Dikir Burdah ini dipelihara dan diperkembangkan.

Rujukan

- Abdul Halim Ali. (2006). *Mendekati Puisi Melayu Tradisional*. Tanjung Malim: Penerbitan Profesional Baharu.
- Abdul Wahab bin Abu. (2003). *Dikir Hadrah Cerminan Masyarakat Melayu Utara*. Tesis Master Sastera. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Razak Mohamed. (1976). *Dikir Pahang*. Ijazah Sarjana Muda Persuratan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Lufti bin Abdul Wahab Al Linggi. (2009). *Qosidah Al-Burdah Imam Al-Busairi R. A: Puji-pujian Untuk Rasulullah S.A.W*. Kajang: Mawleed Publishing.
- Ahmed Hankir. (2017). *The Performing Arts and Psychological Well-Being*. Psychiatria Danubina.
- Al-Imam Nawawi. (1988). *Terjemahan Hadis Shahih Bukhari Jilid I, II, III & IV*. Klang. Selangor: Klang Book Centre.
- Anwar Din. (2016). *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arham. (2013). *Qasidah Burdah Imam Al-Busyari (Analisis 'Ilm Al-Qawafi)*. Skripsi Sarjana Sastra Pada Falkultas Sastra. Makassar: Inuversitas Hasanuddin.
- Braginsky. I.V. (1994). *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamidah Abdul Hamid. (1995). *Pengantar Estetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205
- Harun Jaafar. (2002). *Puisi-puisi Memuji Rasulullah. Wacana Kesusteraan Melayu Klasik*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Harun Mat Piah. (1980). *Fungsi dan Penyebaran Permainan Kesenian Melayu di Malaysia*. Dewan Bahasa.
- _____. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2004). *Puisi Melayu Tradisional: Nasihat dan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hj. Muhammad Bukhari Lubis. (1994). *Dendengan Puisi Al-Burdah di Kampung Sessang, Sarawak*. Dalam Persuratan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Khaldun. (2002). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Abdul Razak Bakari. (2014). *Studi Kritis Terhadap Pemikiran Al-Busiri dalam Kasidah Al-Burdah*. Tesis Magister Pemikiran Islam. Makkasar: Universitas Islam Negeri Alauddin.
- Jamil Hj. Hamali *et al.*, (2009). *Islam di Borneo*. UiTM Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti.
- Jawatankuasa Kecil Publisiti dan Filem Perayaan Ulang Tahun ke-25 Sarawak Merdeka dalam Malaysia. (1988). *Adat Resam Penduduk Sarawak*. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lukman Ali. (1967). *Bahasa dan Kesusteraan Melayu*. Jakarta: Gunung Agung.

- Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" *JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205*
- Mahmood Zuhdi Hj. Abd Majid. (2014). *Fiqh Nusantara, Islam dan Tajdid: Tinjauan Isu-isu dan Perspektif Semasa*, (eds.). Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia.
- Mohamad Nadzir bin Hassan. (1976). *Dikir Laba: Satu Tinjauan di Mukim Padang Embun, Pasir Mas Kelantan*. Latihan Ilmiah Jabatan Persuratan, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Kamil bin hj. Ab Majid. (2008). *Ke Arah Memperkasakan Islamisasi Seni Muzik Sebagai Satu Alternatif: Satu Pengamatan Awal*. *Jurnal Hadhari Edisi Khas (105-121)*.
- Mohd Taib Osman. (1979). *Traditional Malay Music: A Traditional Cultural Expression in Contemporary Setting*. *Jurnal Budaya Melayu 4*.
- Muhammad Takari. (2018). *Estetika dalam Seni Pertunjukan Melayu*. Persidangan Tari Melayu, Lubuk Pakam, Indonesia.
- Muhamad Khairul Hafiz. (2019). *Jurnal Fiqh: Unsur Kearifan Tempatan Dalam Seni Persembahan Melayu-Islam: Analisis dari Perspektif Hukum Islam*. Universiti of Malaya.
- Muhammad Zulfahmi. (2016). *Interaksi dan Inter relasi Kebudayaan Seni Melayu Sebagai Sebuah Proses Pembentukan Identitas*. *Jurnal Ekspresi Seni 18, no. 2 (327-323)*.
- Noryamisma binti Ismail (2018). *Tema Keislaman dalam Lirik Dikir Al-Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak, Malaysia*. Tesis Master Sastera. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Ruzman Mohd Noor, Saadan Man & Nor Fahimah Mohd Razif. (2013). *Batu Bersurat Terengganu: Dinilai dari Sudut Kearifan Tempatan*

Mawar Suhaila Haji Ab Razak & Noria Anak Tugang, "Nilai Estetika Seni Dikir Burdah Di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 173 – 205

Melayu Ismalm. Batu Bersurat Piagam Terengganu Wadah Intelektual Tamadun Melayu, (eds.), Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu.

Raslie Saharan. (1988). *Beberapa Aspek Kebudayaan Masyarakat Melayu Sarawak*. Dlm *Adat Resam Penduduk Sarawak*. Hlm. 115-170. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.

Sakinah Abu Bakar. (2014). *Kelestarian Khazanah Tradisi Islam Qasidah Burdah dalam Masyarakat Setempat: Kajian Kes di Kampung Hilir, Merbok, Yan, Kedah*. Jurnal Gendang Alam, Jilid 4, Hlm. 19-31.

Wan Abdul Kadir. (1992). *Islam dan Budaya Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.